# Utusan Malaysia - Malaysia, India Bina Makmal Reka Cipta

Sabtu, Apr 08 2017

# Malaysia, India bina makmal reka cipta

**PUTRAJAYA 7 April** - Malaysia dan India akan membina makmal reka cipta produk berasaskan teknologi bagi meningkatkan usahawan inovasi dalam kalangan belia di kedua-dua negara.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, makmal itu memfokuskan kumpulan belia terdiri daripada graduan pelbagai bidang bagi mencungkil bakat mereka untuk menghasilkan produk berpotensi.

Katanya, peserta makmal akan menjalani program jangka pendek berasaskan teknologi bersama pakar dari beberapa negara Asia.

"Dijangkakan suku ketiga tahun ini, Malaysia akan berbincang dengan beberapa syarikat terkemuka di India seperti Tata Group dan Nasscom ke arah pelaksanaan makmal itu," katanya kepada pemberita selepas program mentor dan bimbingan Usahawan 1Malaysia (1MET), di sini hari ini.

Menurutnya, perancangan itu adalah antara perkara yang dibincangkan oleh Malaysia dengan beberapa syarikat swasta di India sempena lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Chennai, India baru-baru ini.

Katanya, berdasarkan rangka awal ke arah pelaksanaan makmal itu, kerajaan berhasrat menghasilkan produk berkaitan pembangunan teknologi dalam aplikasi, pembuatan, industri kecil dan sederhana (IKS) serta makanan.

Mohd. Irwan Serigar yakin, produk yang akan dihasilkan menepati kehendak pasaran Asia.

"Pendekatan proaktif itu sekali gus membantu sektor IKS meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melebihi 40 peratus, iaitu pencapaian ketika ini.

"Malah, negara juga tidak lagi terlalu bergantung kepada industri buruh kerana ia telah ditransformasikan sepenuhnya kepada teknologi," katanya.



"Pendekatan proaktif itu sekali gus membantu sektor IKS meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melebihi 40 peratus, iaitu pencapaian ketika ini."

**MOHD. IRWAN SERIGAR ABDULLAH**
**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**

UTUSAN


**Waktu Solat** MBSB

| | SUBUH | SYURUK | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya | 5.54 | 7.09 | 1.18 | 4.24 | 7.22 | 8.32 |
| PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya | 5.57 | 7.13 | 1.23 | 4.27 | 7.28 | 8.38 |
| KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya | 5.48 | 7.03 | 1.12 | 4.18 | 7.16 | 8.25 |
| JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya | 5.47 | 7.03 | 1.09 | 4.18 | 7.12 | 8.22 |
| KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya | 5.22 | 6.34 | 12.44 | 3.53 | 6.48 | 7.57 |



Pekeliling Perbendaharaan

Undian

BISNES AGENSI WARGA

## Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro
- e-Penyertaan & Maklumbalas
- Statistik & Prestasi
- Pautan
- Agensi

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my

Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Peta Laman | Bantuan | Arkib | Undian

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 22 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216